

# Penyusunan industri: Syor Dr. M

NEW DELHI, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan kepada negara-negara maju mereka tidak perlu bimbang sekiranya negara-negara membangun berjaya mendapat pembahagian besar dalam pengeluaran industri dunia.

Bellau menyeru negara-negara maju dan membangun bergerak ke arah pendekatan lebih tegas dalam penyusunan semula industri dunia berasaskan kepentingan sendiri.

Bercakap di sidang pleno, Perhimpunan Agung ketiga Pertumbuhan Pembangunan Industri Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIDO 111), bellau berkata langkah segera yang harus diambil ialah melibatkan setiap orang pada prinsip divisi buruh antarabangsa.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, ruang pengeluaran yang harus diteruskan oleh negara-negara maju dan yang harus dipindahkan

ke negara-negara membangun mesti ditonjolkan segera.

Dalam ucapannya di hari kedua perhimpunan itu, bellau mencadangkan statistik yang menunjukkan kemiskinan dan pertumbuhan industri yang lembab di negara-negara membangun diketepikan dan usaha-usaha baru diambil untuk mencapai matlamat tersebut.

Katanya, berdasarkan kadar pencapaian sekarang, negara-negara membangun tidak berupaya mencapai pembahagian 25 peratus pengeluaran industri dunia dalam tahun 2000 seperti yang ditentukan dalam Perhimpunan kedua di Lima pada tahun 1975 lalu.

Bellau berharap, perhimpunan kali ini akan membincangkan perkara sedih itu serta mencari jalan untuk menyelesaikannya.

Katanya, matlamat tersebut dapat dicapai kerana faktor-faktor baru yang timbul yang memberi faedah bukan sahaja kepada negara-negara maju juga kepada negara-negara membangun.